

PENJELASAN HADIS SIFAT QANA'AH RASULULLAH SAW

Qana'ah merupakan salah satu sifat mahmudah yang sangat ditekankan dalam ajaran Islam. Ia bermaksud redha dan merasa cukup dengan rezeki yang telah ditentukan Allah *Subhanahu wata'ala*, tanpa menolak usaha dan ikhtiar untuk memperbaiki kehidupan. Dalam konteks kehidupan Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*, qana'ah menjadi lambang kesempurnaan akhlak yang wajar diteladani umat Islam sepanjang zaman.

عَنْ مَسْرُوقٍ قَالَ : دَخَلْتُ عَلَى عَائِشَةَ فَدَعَتْ لِي بِطَعَامٍ وَقَالَتْ : مَا أَشْبِعَ مِنْ طَعَامٍ فَأَشَاءُ
أَنْ أَبْكِيَ إِلَّا بِكَيْثٍ. قَالَ : فَقُلْتُ : لِمَ؟ قَالَتْ : أَذْكُرُ الْحَالَ الَّتِي فَارَقَ عَلَيْهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ
الدُّنْيَا، وَاللَّهُ مَا شَبَعَ مِنْ حُبِّهِ وَلَحْمٍ مَرَّتَيْنِ فِي يَوْمٍ.

Maksudnya: Daripada Masruq *Radhiallahu 'anhu* berkata: Aku pernah masuk menemui Aisyah *Radhiallahu 'anha*, lalu beliau membawa makanan untukku. kemudian beliau berkata: *"Aku tidak pernah merasa kenyang daripada makanan sehingga apabila aku hendak menangis, pasti aku akan menangis."* Masruq berkata: Aku bertanya: *"Mengapa demikian?"* Aisyah *Radhiallahu 'anha* menjawab: *"Aku teringat keadaan ketika Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam meninggalkan dunia ini. Demi Allah, Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam tidak pernah merasa kenyang dengan roti dan daging sebanyak dua kali dalam satu hari."*

(Riwayat al-Tirmizi, no. 2356)

Hadis ini memberi gambaran yang jelas tentang kesederhanaan dan sifat qana'ah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam kehidupan seharian. Dua aspek penting yang dapat dipelajari dalam hadis ini:

Kesederhanaan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*

Baginda tidak pernah menikmati makanan secara berlebihan walaupun mempunyai peluang dan kedudukan sebagai pemimpin umat.

Kenangan Saidatina Aisyah *Radhiallahu 'anha*

Kesedihan Aisyah *Radhiallahu 'anha* ketika mengenang cara hidup Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* menunjukkan bahawa kesederhanaan itu merupakan ciri utama kehidupan baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam*, sehingga menjadi memori yang sangat mendalam selepas kewafatannya.

Hadis ini juga mengajar kita supaya redha dengan ketentuan Allah *Subhanahu wata'ala* seperti yang ditampilkan daripada Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* tidak mengeluh atau menolak rezeki yang sedikit, sebaliknya menerima dengan hati yang lapang.

Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* juga tidak menjadikan makanan dan kemewahan sebagai matlamat utama kehidupan bahkan sentiasa mensyukuri setiap pemberian Allah *Subhanahu wata'ala*, sama ada sedikit atau banyak. Walaupun baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* boleh hidup mewah sebagai seorang Rasul dan pemimpin, baginda tetap memilih kehidupan yang sederhana demi mendidik umat agar tidak tertipu dengan dunia.

Pengajaran daripada hadis ini boleh diaplikasikan dalam kehidupan kita antaranya ialah:

1. Mengelakkan sikap berlebihan iaitu boros dalam penggunaan makanan dan harta.
2. Membina hati yang tenang dengan redha terhadap rezeki yang diperoleh.
3. Mendidik jiwa syukur agar tidak tamak dan sentiasa merasa cukup.
4. Menjadikan kesederhanaan sebagai gaya hidup yang membawa keberkatan.

Sifat qana'ah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang digambarkan dalam hadis Saidatina Aisyah *Radhiallahu 'anha* merupakan contoh jelas bahawa keberkatan dan ketenangan jiwa tidak bergantung pada kemewahan dunia, tetapi pada keredhaan terhadap pemberian Allah *Subhanahu wata'ala*. Oleh itu, umat Islam diseru untuk meneladani akhlak Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dengan mengamalkan qana'ah, iaitu merasa cukup, bersyukur, dan tidak tamak dalam mengejar kesenangan dunia.

Wallahu a'lam